



SOHBAH OLEH HADRAT SHEIKH MUHAMMAD MEHMET ADIL AL- HAQQANI

DO NOT ACT BASED ON DREAMS JANGAN BERTINDAK BERDASARKAN MIMPI

*Assalamu Alaykum wa Rahmatullah wa Barakatuh,
Auzu Billahi Minashaytanir Rajeem. Bismillahir Rahmanir Raheem,
Wassalatu Wassalamu ala Rasulina Muhammadin Sayyidul Awwalin wal Akhirin,
Madad Ya Rasulallah, Madad Ya As'habi RasuLillah, Madad Ya Mashayikhina,
Sheykh Abdullah Daghestani, Sheykh Nazim al-Haqqani. Dastur.
Tariqatunas sohba, wal khayru fil jamiyya.*

Minda manusia tidak berdaya memahami dan memikirkan cipataan Allah ﷻ. Allah ﷻ berdaya menciptakan beribu-ban fenomena dalam ciptaan nya. Misalan yang ternyata ialah mimpi. Kita boleh dalam sekelip mata mimpi itu berupaya mengembara ke dunia dan alam lain dan kembali pada waktu subuh.

Mimpi memberi kita pengajaran yang baik. Misalan nya anda dengan izin Allah boleh meneroka perkara yang luar biasa dan apabila anda bangun anda akan mengucap “Alhamdulillah itu hanya mimpi dan bukan kenyataan.” Bagaimana kalau mimpi menjadi kenyataan, apa akan anda mampu lakukan. Allah ﷻ menunjuk kepada anda dan memberi pengajaran kepada anda. Mimpi membawa bersama dengan nya manfaat dan juga keburukan.

Bila anda melihat mimpi dan jika ia perlu di tafsirkan, dan ada bertekad untuk buat demikian maka hendaklah anda berjumpa dengan seorang yang berwibawa untuk mentafsirkan nya. Jangan pergi kepada orang yang tidak fasih dalam tafsiran. Bila anda tidak bercakap kepada nya, tiada suatu akan berlaku kepada anda InsyaAllah. Ada orang merasa tidak tenang dan gelisah sepanjang hari bila menyaksi mimpi yang buruk. Mereka cuba beritahu kepada orang ini dan orang itu. Tidak perlu. Bila anda bermimpi yang buruk maka hendaklah anda meludah ke kiri dan InsyaAllah, tiada apa akan berlaku.

{ حَدَّثَنَا يَحْيَى بْنُ بُكَيْرٍ ، حَدَّثَنَا اللَّيْثُ عَنْ عُبَيْدِ اللَّهِ بْنِ أَبِي جَعْفَرٍ ، أَخْبَرَنِي أَبُو سَلَمَةَ ، عَنْ أَبِي قَتَادَةَ قَالَ : قَالَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ الرَّؤْيَا الصَّالِحَةُ مِنَ اللَّهِ وَالْحُلُمُ مِنَ الشَّيْطَانِ فَمَنْ رَأَى شَيْئًا يَكْرَهُهُ فَلْيَنْفُثْ عَنْ شِمَالِهِ ثَلَاثًا وَلْيَتَعَوَّذْ مِنَ الشَّيْطَانِ فَإِنَّهَا لَا تَضُرُّهُ وَإِنَّ الشَّيْطَانَ لَا يَتَزَايَايَ }



SOHBAH OLEH HADRAT SHEIKH MUHAMMAD MEHMET ADIL AL- HAQQANI

{ "Menceritakan kepada kami Yahya bin Bukair, menceritakan kepada kami Al-Laits, dari `Ubaidillah bin Abi Ja'far, mengabarkan kepadaku Abu Salamah, dari Qatadah, ia berkata, Rasulullah SAW bersabda, "Mimpi yang baik datangnyanya dari Allah, sedangkan mimpi yang buruk datangnyanya dari Syaitan, barangsiapa yang mimpi buruk maka hendaklah meludah ke sebelah kirinya tiga kali, dan hendaklah berlindung dari syaitan, maka hal itu tidak akan membahayakannya, dan sesungguhnya syaitan itu, tidak mampu menyerupaiku (meskipun dalam mimpi)." Sahih Al Bukhari }

{فَمَنْ رَأَى شَيْئًا يَكْرَهُهُ فَلَا يَقْصَهُ عَلَى أَحَدٍ وَلْيَقُمْ فَلْيُصَلِّ}

{ "Barangsiapa yang bermimpi buruk, maka janganlah diceritakan kepada seorang pun, hendaklah ia bangun dan melaksanakan shalat (sunnat)." (Shahih Bukhari) }

Untuk para anbiya (para nabi) mimpi adalah lah satu wahyu dari Allah ﷻ. Kita, orang awam tidak layak lagi menerima wahyu. Maka anda tidak perlu melaksanakan arahan dalam mimpi. Lebih lebih kalau anda di arah melakukan perkara di luar batasan syariah Islam. Jangan sekali kali lakukan nya.

“Saya melihat sesuatu dalam mimpi maka ini adalah suatu perintah untuk saya.” Insaf, mahasabah lah diri dan tanya siapa lah anda. Adakah anda sudah gila atau anda taksab dengan diri anda sendiri dan merasa diri anda sudah bermaqam tinggi dan anda harus lakukan arahan dalam mimpi itu. Kadangkala anda memerintah orang lain untuk mengikuti arahan anda. “Saya lihat dalam mimpi begini maka anda harus buat begitu”. Arahan dalam mimpi tidak boleh laksanakan. Ini adalah suatu undang undang dan satu arahan.

Sepertimana yang kami sebutkan, mimpi adalah suatu pertunjukan dari Allah ﷻ. Tidak boleh dinafikan bahawa Allah menunjukan sesuatu dalam mimpi itu tetapi kita harus faham kadang kala perkara kita buat di saban hari boleh mempengaruhi mimpi kita. Tetapi kita tidak boleh ambil ia sebagai suatu arahan dari Allah dan memerintah orang dengan berkata “Anda harus buat ini dan anda harus buat itu.”

Sudah tentu, ada yang lihat diri mereka sebagai seorang yang tinggi maqam nya. Ini sebenar adalah bisikan dari Shaytan. Dia tidak membuat baik untuk manusia tetapi



SOHBAH OLEH HADRAT SHEIKH MUHAMMAD MEHMET ADIL AL- HAQQANI

menjerumuskan manusia dalam kejahatan atau kecelakaan. Jangan salah faham, mimpi harus di tafsir oleh ahli tafsir tetapi arahan dalam mimpi tidak boleh di laksanakan. Ini adalah suatu pengajaran yang amat penting untuk semua orang kerana semua orang bermimpi tetapi janganlah jadi orang yang hidup nya bergantung kepada mimpi nya.

Mimpi adalah nikmat dari kebijaksanaan Allah ﷻ dan mimpi menunjuk kekuasaan Qudrat Illahi. Sepertimana yang kami jelaskan mimpi kadang kala begitu realistik tetapi pada hakikat ia hanya lah mimpi bila orang itu terjaga dari tidur nya.

سُورَةُ الْأَنْعَامِ

وَهُوَ الَّذِي يَتَوَفَّاكُم بِاللَّيْلِ وَيَعْلَمُ مَا جَرَحْتُم بِالنَّهَارِ ثُمَّ يَبْعَثُكُمْ فِيهِ لِيُقْضَىٰ
أَجَلٌ مُّسَمًّى ثُمَّ إِلَيْهِ مَرْجِعُكُمْ ثُمَّ يُنَبِّئُكُم بِمَا كُنتُمْ تَعْمَلُونَ (٦٠)

“Wa huwallathi yatawaffakum billayli, waya’lamu ma jarahtum binnahar. Thumma yabaathukum feehi liyugda ajalun musamman thumma ilayhi marjiaaukum thumma yunabbiokum bima kuntum taamaloon” (Sura An’am:60)

Surah Al-Anaam(60)

{Dan Dialah yang menidurkan kamu pada waktu malam dan mengetahui apa yang kamu kerjakan pada siang hari; kemudian Dia bangunkan kamu (dari tidur) padanya, untuk disempurnakan ajal (masa umur kamu) yang telah ditetapkan. Kemudian kepadaNya lah tempat kamu kembali, kemudian Dia menyatakan kepada kamu apa yang kamu lakukan.}-

Allah ﷻ mengambil roh anda pada waktu malam dan membawa nya kesana kemari menurut kehendak nya dan di waktu pagi dia hantar roh anda balik dan anda teruskan kehidupan anda.



SOHBAH OLEH
HADRAT SHEIKH MUHAMMAD MEHMET ADIL AL- HAQQANI

سُورَةُ يُوسُفَ
{ رَبِّ قَدْ ءَاتَيْتَنِي مِنَ الْمَلِكِ وَعَلَّمْتَنِي مِنْ تَأْوِيلِ الْأَحَادِيثِ فَاطِرَ
السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ أَنْتَ وَلِيِّ فِي الدُّنْيَا وَالْآخِرَةِ تَوَفَّنِي مُسْلِمًا وَأَلْحِقْنِي
بِالصَّالِحِينَ (١٠١) }

Surah Yusuf Ayat 101

{"Wahai Tuhanku! Sesungguhnya Engkau telah mengurniakan daku sebahagian dari kekuasaan (pemerintahan) dan mengajarku sebahagian dari ilmu tafsiran mimpi. Wahai Tuhan yang menciptakan langit dan bumi Engkau Penguasa dan Pelindungku di dunia dan di akhirat; sempurnakanlah ajalku (ketika mati) dalam keadaan Islam dan hubungkanlah daku dengan orang-orang yang soleh"}

Itu lah sebab kita harus mentafsir mimpi kita dengan betul. Pergi lah kepada ahli tafsir mimpi. Jangan beritahu kepada orang yang tidak arif dalam tafsiran. Tidak perlu. Tiada tindakan harus dilaksanakan berdasar kepada mimpi. Moga Allah ﷻ memberi kita kehidupan yang baik di dunia dan di akhirat, InsyaAllah. Moga Allah menjauhi kita dari golongan orang yang sesat sebegini, InsyaAllah.

Wa Minallah at-Tawfeeq.

Al-Fatiha.

Hadrat Shaykh Muhammad Mehmet Adil
8 February 2016/24 Rabiul Akhir 1437
Sabah Namaz, Akbaba Dargah